



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK**  
**40450 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**  
**TEL : 03 - 5543 5029/5072/5107/5145**  
**FAKS : 03 - 5543 6010**

### **PERATURAN & SYARAT-SYARAT LATIHAN INDUSTRI**

1. Tumpu perhatian, tenaga dan keupayaan sepenuhnya kepada program ini.
2. Patuh kepada Penyelia Latihan dan penyelia-penyelia yang berkaitan.
3. Hadir pada setiap masa sama ada waktu urusan atau waktu kerja biasa kecuali tidak dapat berbuat demikian disebabkan sakit, kemalangan atau sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun pelajar mestilah memberitahu Penyelia Latihan dan Koordinator Latihan Industri Fakulti terlebih dahulu dengan memberikan keterangan bertulis sebagai bukti.
4. Tidak boleh membocorkan atau memberi sebarang maklumat berhubung dengan organisasi yang menyediakan kemudahan latihan atau sebarang perkara mengenai urusan atau pelanggan – pelanggan organisasi tersebut semasa menjalani latihan industri.
5. Tidak boleh merosakkan atau menyalahgunakan sebarang harta kepunyaan organisasi yang memberi latihan.
6. Sekiranya UiTM pada bila-bila masa dikehendaki membayar dan telah pun mendahulukan sebarang tanggungan yang dialami oleh pelajar selama menjalani latihan, pelajar tersebut hendaklah membayar semula setiap pembayaran yang telah didahulukan itu kepada UiTM.
7. Pelajar yang menerima sebarang bayaran wang dari organisasi latihan industri hendaklah melaporkan perkara ini kepada Koordinator Latihan Industri Fakulti.
8. Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Latihan Industri & Buku Log kepada Pensyarah Pelawat mengikut tarikh yang ditentukan oleh Koordinator Latihan Industri.
9. Pelajar dibenarkan menukar tempat latihan hanya dengan kebenaran bertulis daripada Koordinator Latihan Industri dalam tempoh 3 minggu sebelum latihan industri bermula.
10. Jika seseorang pelajar didapati melanggar atau melakukan kesalahan tatatertib semasa menjalani latihan industri, pelajar boleh dihadapkan ke Lembaga Tatatertib, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
11. Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti semasa menjalani latihan industri kecuali sakit (disahkan dengan sijil sakit oleh hospital kerajaan)
12. Pelajar adalah tertakluk di bawah semua Undang-undang dan Peraturan UiTM yang sedang berkuatkuasa.

### **KAEDAH PENILAIAN**

1. Penilaian oleh Penyelia Latihan adalah berdasarkan kepada prestasi pelajar (termasuk disiplin) dan kebolehan membuat kerja-kerja yang diberi.
2. Laporan Latihan Industri akan dinilai dari segi kualiti dan kandungan laporan.
3. Penilaian keseluruhan termasuk buku log dan laporan latihan industri dilakukan oleh Pensyarah Pelawat yang dilantik.